

Putu Halba Dapat Sambutan Luar Biasa Pada Musim Tengkujuh

Oleh: Nurul Farzana Ghazali, 1180301

KOTA BHARU - Kuih tradisi Kelantan, putu halba yang diinovasikan dengan inti serunding daging yang dijual di Kampung Penambang, mula mendapat sambutan luar biasa daripada masyarakat.

Perniagaan yang diusahakan oleh Fauziah Mustapa, 31, bersama bapa saudaranya, Mohd Azmi Puteh, 60, tampil dengan kelainan apabila mampu menambahkan rasa lazat selain dapat menghangatkan tubuh badan ketika musim tengkujuh.



Fauziah, 31 (kanan) mengusahakan perniagaan putu halba di tepi jalan Kota Bharu-Pantai Cahaya Bulan (PCB) di Kampung Penambang setiap kali musim tengkujuh.

“Putu halba adalah sejenis kuih tradisi turun-temurun masyarakat Kelantan yang diperbuat daripada tepung ubi kayu yang dicampur dengan sedikit bahan-bahan lain beserta herba biji halba, dan dimasukkan gula melaka sebagai inti.

“Namun, arwah ibu, Asmah Ibrahim yang menggemari serunding daging dimakan bersama nasi panas itu kemudiannya mencetuskan idea resipi putu halba berintikan serunding daging kerana mahukan kelainan dalam menjual putu halba ketika itu,” katanya.

Fauziah berkata, mereka tidak menjangkakan usaha itu berhasil dan meraih sambutan luar biasa daripada masyarakat terutama dikalangan peminat putu halba.

Dia dibantu bapa saudara menghasilkan 700 sehingga 800 putu sehari dengan menyediakan 18 kilogram (kg) tepung ubi kayu.

“Putu halba biasa dijual dengan harga RM2 untuk tiga biji kuih manakala putu halba serunding daging pula dijual lebih mahal iaitu RM1.50 sebiji.

“Kos serunding yang menelan belanja RM60 sekilogram menyebabkan harga jual lebih tinggi, namun setakat ini tetap mendapat sambutan menggalakkan daripada pelanggan.”



Gambar menunjukkan putu halba yang sedang dikukus.

“Alhamdulillah jualan putu halba ketika pandemik covid-19 yang sedang melanda memperoleh untung seperti tahun-tahun biasa,” katanya.

Sementara itu, seorang pelanggan, Nurul Syafiqah Shafei, 20, berkata, putu halba di sini memang menepati citarasa orang Kelantan.



Syafiqah Shafei (kanan)

“Saya selalu beli putu halba di sini kerana rasanya yang amat sedap. Sesiapa yang ingin mencuba boleh datang ke Jalan Kampung Penambang, tepi Klinik 1Malaysia Penambang. Memang puas hati,” katanya.